

ISU



SEMANGAT patriotik perlu dipupuk sejak kecil terutamanya dalam kalangan murid-murid sekolah. — Gambar hiasan

USAHA untuk menyemarakkan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara dilihat masih belum mencukupi.  
— Gambar hiasan



# Semai semula semangat cintakan negara



MA'RUF



SIVAMURUGAN

TANGGAL 31 Ogos ini, negara akan meraikan sambutan ulang tahun kemerdekaan yang ke-60.

Pada masa ini, sama ada di kampung atau bandar, individu maupun organisasi, sudah ada antara mereka yang melakukan pelbagai cara untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan 2017 itu.

Biro Tata Negara pada Rabu lalu misalnya, telah melaksanakan inisiatif mengedarkan 400,000 Jalur Gemilang di 4,000 premis kerajaan di seluruh negara bagi membangkitkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia.

Di beberapa buah negeri pula, sudah ada pihak yang mengambil langkah sama dengan menggantung Jalur Gemilang sama ada di tiang lampu di tepi-tepi jalan, di premis perniagaan ataupun di rumah kediaman.

Tidak kurang juga sambutan secara kecil-kecilan yang dilakukan oleh institusi pendidikan seperti sekolah dan taman didikan kanak-kanak bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan murid-murid.

Walaupun ada usaha yang dilakukan untuk menyemarakkan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara, ia sebenarnya jauh berbeza dengan apa yang pernah berlaku kira-kira 15 hingga 20 tahun lalu.

Pada masa dahulu, Jalur Gemilang mudah kelihatan di serata tempat, sama ada di rumah kediaman, premis perniagaan, bangunan-bangunan pejabat maupun di tepi-tepi jalan.

Jalur Gemilang yang digantung dan dipamer dengan pelbagai saiz dilihat mampu mewarnai persekitaran sesebuah lokasi, seumpama banyaknya bendera parti-parti politik sewaktu musim pilihan raya.

Malah, ada juga individu yang sanggup berhabis wang simpanan sendiri mencecah ribuan ringgit bagi menghias rumah atau kenderaan semata-mata mahupun membuktikan kecintaan mereka kepada tanah air ini.

Tidak kurang juga perlumbaan mempamer Jalur Gemilang bersaiz gergasi oleh organisasi-organisasi tertentu pada bangunan pencakar langit khususnya di bandar-bandar.

Namun, situasi seperti itu sudah tidak

wujud lagi. Malah, perlumbaan bagi menzahirkan semangat patriotik dan cintakan negara juga seakan-akan sudah semakin luntur.

Kedua-dua itu juga mungkin menjadi penyebab mengapa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang untuk mengkaji pelaksanaan peraturan baharu bagi mewajibkan pemilik premis di ibu negara mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing sebagai syarat bagi permohonan lesen.

Di mana silapnya sehingga tarikh keramat bagi Malaysia itu seakan-akan dipandang sepi oleh sebahagian warga negara ini?

Mengulas mengenai perkara itu, Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Ma'ruf Redzuan berkata, situasi tersebut wujud disebabkan oleh perubahan zaman yang berlaku pada masa kini.

## Teknologi canggih

Katanya, kemodenan yang dinikmati oleh masyarakat Malaysia pada hari ini kesan daripada kemunculan pelbagai teknologi canggih turut menjadi faktor mengapa kemeriahinan sambutan bulan kemerdekaan semakin suram.

"Kira-kira 20 tahun lalu, anggota masyarakat khususnya di kampung-kampung tidak mempunyai banyak pilihan untuk melakukan aktiviti yang boleh dianggap sebagai menyeronokkan mereka."

"Jadi, apabila pelbagai acara dilangsungkan sempena sambutan bulan kemerdekaan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya kerajaan pada ketika itu, mereka akan keluar beramai-ramai untuk menyambutnya."

"Malah, mereka juga akan sama-sama memeriahkan sambutannya dengan mengadakan pelbagai program pada skala yang lebih kecil sama ada di peringkat kampung ataupun sekolah," katanya.

Berbeza dengan situasi yang wujud pada hari ini, Ma'ruf berkata, anggota masyarakat khususnya golongan muda mempunyai pelbagai pilihan untuk berseronok sama ada secara bersendirian maupun bersama

keluarga dan rakan-rakan.

"Tidak keteraluan jika dikatakan, golongan muda lebih seronok berkumpul di kedai-kedai mamak untuk menonton perlawanan bola sepak Liga Perdana England pada malam sambutan kemerdekaan berbanding membanting lokasi sambutan hari keramat itu untuk menzahirkan semangat cintakan negara."

"Situasi seperti itu berlaku kerana ramai antara anggota masyarakat kita yang berasakan, jika mereka tidak menyertai aktiviti sambutan kemerdekaan pun tidak mengapa kerana negara tetap akan aman dan damai."

"Kedaannya mungkin akan berubah jika negara menerima ancaman keselamatan daripada luar. Ketika itu, kita boleh lihat anggota masyarakat akan berkobar-kobar menyemarakkan semangat cintakan negara dan bersedia untuk mempertahankan kedaulatan Malaysia," katanya.

Jelasnya lagi, walaupun semangat patriotik sememangnya ada di dalam hati kebanyakan anggota masyarakat, ramai antara mereka yang tidak menzahirkan secara langsung.

Dalam pada itu, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian pula berpendapat, kesuraman sambutan kemerdekaan yang berlaku ketika ini disebabkan oleh kekurangan penyertaan daripada pihak swasta.

"Saya percaya, Jabatan Penerangan telah mengatur pelbagai program di seluruh negara bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan tetapi ia akan lebih meriah jika aktiviti-aktiviti berkaitan turut dilaksanakan oleh pelbagai pihak lain dalam pelbagai bentuk."

"Sepatutnya, pihak-pihak yang berkenaan tidak perlu menunggu arahan untuk melaksanakan program."

"Ia patut lahir daripada kesedaran dalam diri sendiri untuk turut sama meraikannya."

"Ini soal tanggungjawab dan kecintaan kita terhadap negara."

"Jadi, tidak perlu timbul soal kos untuk menganjurkannya kerana ia masih boleh dilakukan secara kecil-kecilan walaupun hanya dengan menyumbang Jalur Gemilang bersaiz kecil kepada orang ramai," katanya.